



**KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN BANDAR,
PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN**

Unit Komunikasi Korporat
Aras 2, No. 51, Persiaran Perdana
Presint 4
62100 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel: 03 – 8000 8000
Faks: 03 – 8891 5557
Laman Web: www.kpkt.gov.my
Emel: pro@kpkt.gov.my
Twitter: www.twitter.com/kpkt_gov
Facebook: www.facebook.com/KPKTMalaysia

Rujukan kami : KPKT/BPK/19/7/4 Klt.45 (116)

Tarikh : 19 Mac 2016

SIARAN MEDIA

Program Food Ranger 1.0 - Transformasi Peserta AZAM Bandar KPKT

Kuala Terengganu, 19 Mac 2016 - Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dengan kerjasama Pertubuhan Kebajikan Mahabbah Malaysia (MAHABBAH) melaksanakan Program Food Ranger 1.0 - Transformasi Peserta AZAM Bandar KPKT siri pertama bermula pada 18 Mac – 20 Mac 2016. Program selama 3 hari ini bermula di Kelantan pada 18 Mac 2016 dan berakhir di Kuala Terengganu, Terengganu pada 20 Mac 2016.

2. Program AZAM (Akhiri Zaman Miskin) Bandar ini dilaksanakan adalah bertujuan untuk memberi galakan dan sokongan kepada peserta-peserta Program AZAM Bandar untuk terus berusaha meningkatkan pendapatan. Sebanyak 16 orang peserta yang telah mengikuti kursus makanan & minuman di bawah MAHABBAH dan telah berjaya menjana pendapatan yang memberangsangkan akan dilawati. Purata pendapatan yang diperolehi oleh peserta-peserta ini adalah di antara RM2,000-RM5,000 sebulan. Malah terdapat juga dikalangan peserta menjana RM10,000 sebulan.

3. KPKT telah memulakan AZAM ini bermula dari tahun 2013. Program ini bermatlamat untuk meningkatkan kemahiran kumpulan sasar iaitu golongan berpendapatan 40% terendah (B40) di bandar yang berdaftar dan disahkan status kemiskinan di dalam sistem eKasih supaya mampu mengusahakan perniagaan yang boleh memberikan pendapatan yang lebih tinggi seterusnya meningkatkan kualiti hidup dan keluar dari kemiskinan.

4. Program ini dilaksanakan dengan kerjasama Badan Bukan Kerajaan (NGO). Semenjak pelaksanaan program, KPKT telah bekerjasama dengan 13 Badan Bukan Kerajaan. NGO yang terpilih akan melaksanakan program mengikut garis panduan yang telah ditetapkan oleh Kementerian. Di bawah program AZAM Bandar, NGO yang terpilih dikehendaki melaksanakan proses pencarian peserta, latihan kemahiran dan keusahawanan, pembekalan peralatan dan pemantauan.

Pelaksanaan Program AZAM Bandar di Terengganu

5. Sehingga tahun 2015, seramai 6,994 orang telah menyertai program ini dan 656 orang merupakan peserta di Terengganu. Pecahan mengikut tahun adalah seperti berikut:

6. Pada tahun 2015, daripada 464 orang peserta Terengganu yang menyertai program AZAM Bandar, 400 orang peserta telah berjaya meningkatkan pendapatan sekurang-kurangnya RM300 sebulan.

Program Food Ranger

Maklumat Peserta Terengganu

Nama : Azizah bt Mohd
Umur : 44 tahun
Alamat : Lot 2001 Belakang Masjid Kubang Jela 21200 Kuala Terengganu
Jenis Kursus : Usahawan makan & minuman (Makanan panas)

Bantuan yang diterima ketika program:

- i. Bantuan Peralatan seperti set peralatan dapur dan set jualan (kanopi,meja dll) daripada KPKT
- ii. *Business Coaching Programme* daripada MAHABBAH

Pendapatan sebelum menyertai program (2015): RM700.00
Pendapatan selepas 6 bulan menyertai program : RM3,000.00
Pendapatan terkini : RM3,500.00

Kejayaan:

- i. Menjadikan perniagaan masakan panas sebagai sumber pendapatan keluarga
- ii. Terkenal dengan masakan mee sup daging

Luahan dan harapan:

Program AZAM Bandar telah membuka mata dan minda saya untuk mengembangkan perniagaan yang dijalankan secara kecil-kecilan sebelum ini dan permintaan yang diterima juga semakin meningkat. Melalui program yang dianjurkan oleh KPKT dan MAHABBAH, saya telah banyak belajar erti kehidupan sebenar dalam dunia perniagaan dan berharap supaya apa yang dipelajari dapat dimanfaatkan sebaik mungkin pada masa akan datang. Pihak MAHABBAH telah mengajar saya erti kata tiada halangan untuk memulakan perniagaan walau pun tiada modal yang besar.

Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) diterajui oleh YB Datuk Abdul Rahman Dahlan. Di bawah Kementerian ini terdapat 9 Jabatan iaitu Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semananjung Malaysia; Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia; Jabatan Perumahan Negara; Jabatan Kerajaan Tempatan; Jabatan Landskap Negara; Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara; Solid Waste Corporation Malaysia; Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata; dan Institut Latihan Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat

b.p. Ketua Setiausaha

Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Telefon : 03-8891 5555

Faks : 03-8891 5557

E-mel : pro@kpkt.gov.my